



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2025 (FHMAPK)

---

**ALOR SETAR, 24 Julai** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman hari ini berkenan mencemar duli menyempurnakan **Majlis Perasmian Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2025** yang diadakan di **Muzium Padi, Kedah**. Festival ini merupakan anjuran **Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara** dengan kerjasama **Lembaga Muzium Negeri Kedah**.

FHMAPK 2025 merupakan acara tahunan penting dalam kalendar permuziuman negara. Tahun ini sambutan diadakan dari **23 hingga 29 Julai 2025** dengan Negeri Kedah melalui Lembaga Muzium Negeri Kedah selaku tuan rumah sekaligus meraikan Tahun Melawat Kedah 2025 menjadikan penganjuran kali ini lebih istimewa dan meriah. Sambutan kali ini membawa tema utama ***“The Future of Museums in Rapidly Changing Communities”***.

**YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia** dalam sembah ucapannya berkata, "Festival Hari Muzium Antarabangsa pada kali ini mengambil pendekatan merakyatkan muzium. Ia merupakan suatu program berkonsepkan *reach out* yang mana muzium tidak hanya menunggu untuk dikunjungi tetapi juga mensasarkan penyampaian untuk sampai kepada semua lapisan masyarakat, jauh atau dekat di seluruh pelusuk tanah air.

Seramai 150,000 orang disasarkan hadir ke Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2025 yang terdiri daripada

komuniti setempat, warga Negeri Kedah, institusi permuziuman, ahli akademik, penyelidik, pelajar IPT, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, profesional dan penggiat muzium dari dalam dan luar negara.

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sepanjang festival berlangsung termasuk pameran muzium dalam dan luar negara, demonstrasi permainan tradisional, pertandingan masakan, jualan kraf, sukan rakyat, persembahan kebudayaan, bengkel wau, cabutan bertuah, program “Pakat Tughun Bendang”, bola sepak bendang, malam kerohanian, *Museum Fun Run* dan banyak lagi. Festival ini turut menjangkau komuniti di Baling termasuk suku kaum Kensiu; antara etnik Orang Asli tertua di Semenanjung.

Turut hadir ialah Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Negeri Kedah, YB, Dato' Haji Mohd Salleh bin Saidin, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Keusahawanan Negeri Kedah, YB Zubir bin Ahmad, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Kedah, YB Dato' Haji Ismail bin Haji Abu, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan), ketua-ketua jabatan kerajaan dan swasta, serta wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti tempatan.

**Jabatan Muzium Malaysia**  
**Kementerian Perpaduan Negara**  
28 Julai 2025  
JMM.100-9/1/7 (8)